

Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.2/(25)

Tarikh : 10 Januari 2001

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah Kerja Raya
Ibu Pejabat
Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah
88582 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Pengairan dan Saliran Sabah
Tingkat 5 & 6, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Pertanian Sabah
Tingkat 5, Menara Khidmat
Jalan Belia
88000 Kota Kinabalu

Pengarah
Jabatan Perhutanan Sabah
Beg Berkunci No. 68
90009 Sandakan

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 2 TAHUN 2001**

**PEMBERITAHUAN TARIKH DAN MASA TUTUP TENDER PERSEKUTUAN DAN PERKARA-
PERKARA YANG BERKAITAN DENGANNYA**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/ Datuk/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Tarikh dan Masa Tutup Tender Persekutuan Sabah telah ditetapkan pada setiap **hari Isnin, jam 12.00 tengah hari**. Sekiranya hari tersebut merupakan hari cuti umum, maka secara sendirinya hari tutup dan masa adalah pada hari berikutnya.

3. Sehubungan dengan itu, Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan adalah diminta membuat perancangan sewajarnya termasuk memastikan perkara-perkara berkaitan perolehan tender mematuhi tatacara perolehan yang berkuatkuasa. Di antara perkara-perkara yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- 3.1. Memastikan petender menyatakan tajuk tender, nombor rujukan dan tarikh tutup tender di penjuru kiri sampul surat.
- 3.2. Semua perolehan yang melibatkan wang Kerajaan Persekutuan hendaklah mematuhi peraturan dan tatacara perolehan Kementerian Kewangan Malaysia.
- 3.3. Sebelum membuat sebarang perolehan, Jabatan hendaklah menentukan terlebih dahulu bahawa peruntukan bagi perolehan berkenaan telah diluluskan dan mencukupi.
- 3.4. Semua perolehan Kerajaan hendaklah dibuat dengan kontraktor yang pendaftarannya masih berkuatkuasa. Pihak berkuasa bagi pendaftaran kontraktor adalah Kementerian Kewangan Malaysia/ Perbendaharaan Malaysia Sarawak/ Perbendaharaan Malaysia Sabah bagi kontraktor bekalan dan perkhidmatan. Bagi kontraktor kerja, pihak berkuasa bagi pendaftaran ialah Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LIPIM).

- 3.5. Memastikan hanya petender yang berkelayakan berdasarkan kelas/ kod bidang, kepala dan sub-kepala pendaftaran kontraktor yang berkaitan yang ditetapkan bagi sesuatu tender sahaja dibenarkan membeli dokumen dan menyertai tender.
- 3.6. Jabatan Kerajaan perlu mengenalpasti dan memastikan perolehan yang dikhaskan kepada Kontraktor Bumiputera dilaksanakan sepenuhnya mengikut arahan dan peraturan berkaitan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari semasa ke semasa.
- 3.7. Semua bekalan dan perkhidmatan yang terdapat dalam Kontrak Pusat yang dikendalikan oleh Perbendaharaan Malaysia Sabah hendaklah digunapakai oleh semua jabatan dan tidak dibenarkan pembelian dari syarikat di luar Kontrak Pusat.
- 3.8. Jabatan adalah tidak dibenarkan / dilarang memecahkecilkan perolehan tahunan.
- 3.9. Memastikan tempoh minimum pelawaan tender dari tarikh iklan disiarkan sehingga tender ditutup hendaklah mencukupi iaitu (21) hari bagi tender tempatan dan (56) hari bagi tender antarabangsa.
- 3.10. Semua pelawaan tender hendaklah diberi publisiti yang seluas-luasnya supaya syarikat yang *bonafide* berpeluang menyertai tender dan membolehkan Kerajaan mendapat tawaran yang terbaik. Tender tempatan hendaklah diiklankan dalam sekurang-kurangnya satu (1) akhbar harian utama berbahasa Melayu. Untuk tender antarabangsa, sekurang-kurangnya di dalam dua (2) akhbar, di mana satu berbahasa Melayu dan satu berbahasa Inggeris.
- 3.11. Setiap Dokumen Tender hendaklah dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan. Jabatan hendaklah memastikan penjualan Dokumen Tender mematuhi peraturan dengan kadar harga dokumen berasaskan jenis, kuantiti dan kualiti kertas yang digunakan.

3.12. Penentuan yang tepat dan jelas perlu disediakan bagi menentukan petender mendapat gambaran yang jelas mengenai kehendak-kehendak Kerajaan di dalam sesuatu perolehan *(Telah diterangkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sabah Bilangan 01 Tahun 2001).*

4. Segala perhatian dan kerjasama dari pihak Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan dalam perkara ini sangatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian. Terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

T.T
(**DATUK DR. ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI**)
Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.

SPP PMS 2/01